

Dalam sembahyang

Ku hubungkan diri dengan Tuhan

Tentang hidup dan mati

Ketika malam aku di luar dunia kelabu

Permintaan tak bisa ku tolak pada nafsu

Tangan terdedah ke muka

Ruh di dekatkan ke ambang syurga.

Keliling Hidup

Keliling hidup, kita di dakap kerja yang belum di siapkan

Kerana terlalu banyak memuntahkan api, maka kita diketuk bimbang

Tentang siapakah kita gentarkan sehingga tangan dihubungkan menggapai di hujung dahan

Kanan kiri pintu maut menghadang, adakah ini satu kesedaran.

Jikalau kita tinggal diam, langkah kaki masih di ambang pintu

Usah dikesalkan tentang tahun usia kita mengandap di bawah lampu

Sedang wajah makin tua jua, perbiacaraan habis di lorong-lorong berdebu

Adakah mati satu-satu nafas kita terpaku di dinding dan di tembok-tembok batu.

Keliling hidup kita begitu erat di hujung jalan yang berkatup

Di samping siapakah ditinggalkan, sebelum dari celah mati tertutup.

-A. S. Isma

Maktab Perguruan Melayu-Brunei,

27 haribulan Disember 1961.